

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 22/09/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional / 6

Tajuk : ANGKASA belanja lebih RM5j bantu 100,000 golongan memerlukan



ABDUL FATTAH (kiri) menyampaikan sumbangan kepada Persatuan Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim Dan Ibu Tunggal Hajah Kamariah di Taman Medan, Petaling Jaya semalam.

Angkasa belanja lebih RM5j bantu 100,000 golongan memerlukan

PETALING JAYA – Lebih RM5 juta dibelanjakan menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah Coop Care Angkasa anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bagi membantu golongan memerlukan.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, jumlah perbelanjaan tersebut telah memberi manfaat kira-kira 100,000 penerima di seluruh negara dan mereka terdiri daripada fakir miskin, ibu tunggal dan anak yatim.

"Apabila pandemik Covid-19, kita mewujudkan pasukan untuk memberi sumbangan kepada mereka yang terkesan.

"Malah, mereka yang terima manfaat daripada program ini juga terdiri daripada mangsa banjir dan ini juga akan diteruskan pada masa akan datang," katanya selepas menyampaikan sumbangan ke-

pada Persatuan Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim Dan Ibu Tunggal Hajah Kamariah di sini semalam.

Antara sumbangan yang disampaikan kepada rumah kebajikan tersebut meliputi makanan keperluan dan pakaian sekolah bagi membantu kira-kira 16 ibu tunggal dan 40 anak yatim berusia antara empat hingga 17 tahun.

Dalam perkembangan lain, Abdul Fattah berkata, Angkasa juga sedang mewujudkan tabung dalam bagi membantu mangsa banjir di Pakistan.

Sementara itu, Pengasas Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim Dan Ibu Tunggal Hajah Kamariah, Noorsidah Yahya berkata, rumah tersebut diasaskan oleh arwah ibunya lebih 35 tahun lalu bagi membantu ibu tunggal serta anak yatim sekitar Taman Medan, Petaling Jaya.